

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [ KOTA MELAKA ]**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 7**

**TUAN KHOO POAY TIONG [ KOTA MELAKA ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah inisiatif-inisiatif kesihatan (sedia ada dan yang bakal diperkenalkan) untuk golongan berpendapatan M40.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memastikan kebijakan rakyat terus terbela tanpa mengira kelas pendapatan rakyat, namun begitu terdapat juga program-program kesihatan yang menjurus kepada kelas pendapatan seperti Program Skim Peduli Kesihatan B40 (PeKa B40) bagi membantu mereka yang sangat memerlukan. Namun begitu, golongan berpendapatan M40 masih menikmati pelbagai bantuan Kerajaan melalui KKM.

Perkhidmatan kesihatan bagi seluruh rakyat Malaysia termasuk golongan M40 di fasiliti KKM adalah bersubsidi dengan kadar bayaran minima atau percuma. Caj yang dikenakan adalah RM1 bagi pesakit luar dan RM5 bagi klinik pakar.

- Caj RM1 adalah merangkumi pendaftaran, perundingan, siasatan (seperti X-ray, Ujian Air Kencing) dan Ubat-ubatan.

## SOALAN NO : 7

- Caj RM5 bagi klinik pakar juga adalah merangkumi pendaftaran, perundingan, siasatan (seperti X-ray, Ujian Air Kencing) dan Ubat-ubatan bagi kes yang dirujuk oleh doktor perubatan Kerajaan dan bagi kes yang dirujuk oleh pihak swasta, pesakit perlu membayar kos bagi siasatan (seperti X-ray, Ujian Air Kencing) berdasarkan kepada kos seperti yang dinyatakan di dalam Perintah Fi (Perubatan) 1982.

Caj maksimum bagi pesakit kelas tiga pula adalah tidak melebihi RM500 bagi setiap kemasukan hospital. Untuk warga emas, diskaun 50% diberikan ke atas caj yang dikenakan dengan maksimum caj sebanyak RM250. Pemegang kad OKU diberi pengecualian di wad Kelas 3.

KKM juga mempunyai mekanisme dalam membantu pesakit-pesakit yang tidak mampu dan kurang berkemampuan melalui Tabung Bantuan Perubatan (TBP). Tabung ini ditubuhkan sejak 2005 untuk membiayai sebahagian atau sepenuhnya kos rawatan dan perubatan penyakit kronik yang boleh dirangkumkan dalam pelbagai disiplin seperti kardiologi, ortopedik, otorinolaringologi (ENT), paediatric dan sebagainya. Bantuan ini juga adalah termasuk kos ubat-ubatan yang tidak disediakan oleh pihak Hospital Kerajaan.

KKM juga telah menyediakan subsidi bagi pesakit kurang berkemampuan untuk mendapat rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) dengan menanggung sepenuhnya atau sebahagian dari kos perubatan dan rawatan, tertakluk pesakit memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam peraturan yang berkuatkuasa. Secara puratanya, setiap tahun KKM membelanjakan sebanyak RM450 juta bagi pesakit kurang berkemampuan mendapat rawatan di IJN.

Selain itu, sejak tahun 2001 Kerajaan telah menyediakan subsidi kepada pesakit buah pinggang yang kurang berkemampuan menjalani rawatan hemodialisis di pusat-pusat hemodialisis Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar dengan KKM. Mulai tahun 2018, bantuan subsidi rawatan hemodialisis telah dinaikkan ke kadar RM100 dari RM50 bagi setiap rawatan dan pesakit hanya perlu membayar RM10 sahaja bagi setiap sesi rawatan daripada keseluruhan kos RM110 termasuklah kos suntikan erythropoietin (EPO) sebanyak RM18.50 ketika membuat rawatan di pusat hemodialisis NGO yang berdaftar dengan KKM.

## **SOALAN NO : 7**

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta setahun bagi tujuan ini.

KKM komited untuk memastikan rakyat dapat menikmati akses kepada perkhidmatan kesihatan berkualiti berdasarkan keperluan, tanpa terdedah kepada kesulitan kewangan sejajar dengan prinsip '*Universal Health Coverage*' (dengan izin). Ini bagi memastikan jaringan keselamatan yang kukuh untuk semua tanpa mengambil kira paras pendapatan.

Sekian, terima kasih.